

PERATURAN PEPERIKSAAN AKHIR / *FINAL EXAMINATION REGULATIONS*

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BAHAGIAN I / PART I

1. Pengenalan *Introduction*

- (1) Peraturan ini diguna pakai bagi pelaksanaan peperiksaan akhir sahaja.
- (1) *These regulations shall only apply to the implementation of the final examinations.*

BAHAGIAN II / PART II

2. Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir *Examination Conditions*

- (1) Semua pelajar yang mendaftar kursus yang mempunyai peperiksaan akhir diwajibkan menduduki peperiksaan akhir yang dijadualkan.
- (1) *It is compulsory for all students registered for courses with final examinations to sit for the scheduled final examinations.*
- (2) Untuk sesuatu kursus, pelajar yang telah menghadiri 80% atau lebih daripada jumlah jam pertemuan yang berjadual sahaja dibenarkan mengambil peperiksaan akhir.
- (2) *Only students who have attended 80% or more of the scheduled contact hours are allowed to sit for the final examinations.*
- (3) Dalam kes di mana pelajar sakit, pelajar tersebut perlulah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan hospital kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti. Pelajar atau wakilnya wajib memaklumkan kepada Fakulti / Pusat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam setelah mendapat pengesahan cuti sakit. Sijil Cuti Sakit hendaklah dikemukakan kepada Fakulti / Pusat dalam tempoh tidak lebih daripada tiga (3) haribekerjaselepas daripada tarikh peperiksaan yang berkenaan dimulakan kecuali atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti.
- (3) *If a student falls sick; he/she should obtain a medical certificate (MC) endorsed by a government doctor or the University medical officer. The student or his/her representative must notify the Faculty/Centre within 24 hours of receiving the MC. The MC must be presented to the Faculty/Centre no later than three (3) working days after the examination date, except for valid reasons accepted by the University.*
- (4) Fakulti boleh membenarkan penangguhan menduduki peperiksaan bagi seseorang pelajar yang mengalami kes kecemasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda & Diploma).
- (4) *The Faculty may allow a student to defer an examination sitting due to any unavoidable emergency (Undergraduate & Diploma Programme Academic Regulations).*

BAHAGIAN III / PART III

3. Sistem Gred

Grading System

- (1) Fakulti hendaklah menggunakan sistem gred yang ditetapkan oleh Universiti seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 30(1), Peraturan Akademik (Program Sarjana Muda dan Diploma) (Pindaan 2010).
- (1) *The Faculty is required to use the grading system stipulated by the University as set out in Regulation 30(1) of the Undergraduate and Diploma Programme Academic Regulations (2010 Amendment).*

BAHAGIAN IV / PART IV

4. Penyeliaan Peperiksaan

Examination Administration

- (1) PPA bertanggungjawab ke atas urusan peperiksaan akhir seperti berikut:
- (1) *PPA shall be responsible for the following administration of the final examination:*
 - (a) Memastikan semua peperiksaan akhir berjalan dengan pengawasan yang rapi dan tertib; dan
 - (a) *Ensure all final examination invigilations are conducted appropriately; and*
 - (b) Mengeluarkan jadual waktu peperiksaan akhir; dan
 - (b) *Set the final examination schedules; and*
 - (c) Melantik pengawas daripada staf akademik dan pembantu pengawas daripada staf sokongan.
 - (c) *Appoint academics as invigilators and non-academics as assistant invigilators.*

BAHAGIAN V / PART V

5. Tatakelakuan Peperiksaan Akhir Semester

Examination Conduct

- (1) Pelajar dikehendaki berada di luar dewan/bilik peperiksaan selewat-lewatnya 15 minit sebelum peperiksaan bermula.
- (1) *Students are required to be outside the examination hall/room at least FIFTEEN (15) minutes before the examination begins.*
- (2) Pelajar dikehendaki menunggu di luar dewan/bilik peperiksaan sehingga diberi kebenaran masuk oleh Ketua Pengawas/Pengawas yang bertugas. Apabila kebenaran masuk telah diberikan, pelajar hendaklah masuk dengan tertib, teratur dan senyap melalui pintu yang ditetapkan.
- (2) *Students should wait outside the examination hall/room until admission is authorised by the Chief Invigilator/Invigilator. Students are required to use the designated doors and enter the hall/room quietly and in an orderly manner.*

- (3) Pelajar hanya dibenarkan memasuki dewan/bilik peperiksaan sebagaimana yang tercatat dalam Jadual Peperiksaan.
- (3) *Students are only permitted to enter the examination hall/room as stated in the Examination Schedule.*
- (4) Pelajar yang lewat hadir tetapi tidak melebihi 30 minit daripada waktu peperiksaan dimulakan adalah dibenarkan mengambil peperiksaan, tetapi waktu tamat peperiksaannya bagi kursus tersebut adalah sama dengan pelajar lain.
- (4) *Students who arrive after the examination has begun, within the first thirty (30) minutes of the examination are permitted to sit for the examination. However, they will not be given extra time.*
- (5) Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dewan/bilik peperiksaan selepas 30 minit peperiksaan dimulakan. Pelajar yang datang selepas 30 minit dari waktu sesuatu peperiksaan dimulakan tidak boleh menduduki peperiksaan tersebut kecuali dengan sebab-sebab yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas tetapi waktu tamat peperiksaannya adalah sama dengan waktu tamat peperiksaan pelajar lain.
- (5) *No student will be allowed to enter an examination later than thirty (30) minutes after the examination has started unless they have valid reasons accepted by the Chief Invigilator. However, they will not be given extra time.*
- (6) Pelajar tidak dibenar meninggalkan dewan/bilik peperiksaan dalam masa 30 minit selepas peperiksaan bermula dan juga dalam masa 15 minit sebelum peperiksaan berakhir. Pada waktu yang lain, pelajar yang ingin keluar dewan/bilik peperiksaan hendaklah meminta kebenaran daripada Ketua Pengawas.
- (6) *Students are not allowed to leave the examination hall/room within the first thirty (30) minutes of the examination and fifteen (15) minutes before the examination ends. Students who wish to leave the hall/room must obtain prior permission from the Chief Invigilator.*
- (7) Pelajar diwajibkan mematuhi etika berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti. Pelajar yang melanggar etika tersebut, boleh dikenakan dendaan terus berdasarkan Peraturan Etika Berpakaian dan Sahsiah Rupa Diri Pelajar UTHM yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- (7) *Students must comply with the University dress code. Students found guilty of violating the rules may be subject to the UTHM Student Conduct and Dress Code.*
- (8) Pelajar diwajibkan membawa kad matrik dan Slip Peperiksaan Akhir ke dewan/bilik peperiksaan. Kesemua dokumen tersebut hendaklah diletakkan di penjuru kanan sebelah atas meja peperiksaan untuk disemak oleh Pengawas/Pembantu Pengawas.
- (8) *Students are required to place their matric cards and final examination slips on the top right corner of their desks for inspection by the Invigilators/Assistant Invigilators.*
- (9) Pelajar yang tidak membawakad matrik dan Slip Peperiksaan Akhir tidak dibenarkan mengambil peperiksaan melainkan dengan kebenaran Pengawas Peperiksaan yang bertugas.
- (9) *Students who fail to bring their matric cards and final examination slips are not allowed to sit for the examination except with prior permission from the Invigilators.*

(10) Pelajar tidak dibenarkan sama sekali melakukan perkara berikut :

(10) *Students are not allowed:*

- (a) membawa bahan larangan seperti buku, kertas kerja, kertas catatan, dokumen, nota, gambar, sebarang peralatan (contoh telefon bimbit, *smartwatch*, *smart spectacle*) atau benda lain yang boleh dikaitkan dengan penyelewengan akademik ke dalam atau ke luar dewan/bilik peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan berlangsung, kecuali yang dibenarkan oleh PPA atas syor Pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa; atau
- (a) *to bring in any books, papers, documents, notes, pictures, devices (i.e, mobile phones, smartwatches, smart spectacles) or any other devices related to any forms of academic violation, into or outside the examination hall/room unless permitted by PPA, with recommendation from the Examiners or Examiner Committee; or*
- (b) menerima apa-apa buku, kertas kerja, kertas catatan, dokumen, nota, gambar, sebarang alat atau benda lain yang boleh dikaitkan dengan penyelewengan akademik semasa berada di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan berjalan daripada mana-mana orang lain, kecuali daripada pengawas peperiksaan bertugas yang berdasarkan arahan Pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa dan dibenarkan oleh PPA; atau
- (b) *to receive any books, papers, documents, notes, pictures or any materials related to any forms of academic violation from anyone during the examination, except from the invigilators as instructed by the Examiners or Examiner Committee and permitted by PPA; or*
- (c) menulis, atau mendapatkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya; atau
- (c) *to write or ask someone to write any information or draw diagrams which are related to the on-going examination, on their hands, clothes or any other parts of the body; or*
- (d) berhubung atau berkomunikasi dengan mana- mana pelajar lain dalam masa peperiksaan sedang berjalan dengan apa-apa jua cara sekalipun; atau
- (d) *to interact or communicate with any other students during the examination; or*
- (e) menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan dan/atau meneruskan menjawab selepas waktu peperiksaan tamat; atau
- (e) *to answer questions before the examination starts and/or continue to answer after the examination ends; or*
- (f) mengambil, mengubah, menyembunyi, merosak atau memusnahkan sebarang harta yang ada kaitan dengan persediaan atau penyempurnaan tugas peperiksaan; atau
- (f) *to take , alter, conceal, destroy or vandalise any property associated with the preparation or completion of the examination; or*
- (g) mewakilkan pihak lain untuk menduduki peperiksaan bagi pihaknya; atau
- (g) *to delegate any other person to take the examination on their behalf; or*

- (11) Sekiranya pelajar didapati membawa bahan larangan yang dinyatakan di Peraturan 10 (a) di atas, pelajar hendaklah menyimpan bahan-bahan tersebut mengikut arahan penyimpanan yang ditetapkan oleh pengawas peperiksaan dan/atau PPA. Jika arahan penyimpanan tidak dipatuhi oleh pelajar, maka Pengawas Peperiksaan / Pembantu Pengawas Peperiksaan dibenarkan untuk mengambil bahan larangan tersebut atau membuat apa-apa tindakan yang suai manfaat mengikut Tatacara Pengendalian Bahan Bukti.
- (11) *If a student is found bringing prohibited items as prescribed in Rule 10 (a) above, he/she shall put away the items as per instructions by the invigilators and/or PPA. If the instructions are not adhered to, the invigilators/assistant invigilators are authorised to confiscate the prohibited items or take necessary action according to the Evidence Handling Procedure.*
- (12) Universiti berhak menggantung sementara keputusan peperiksaan pelajar bagi kursus berkaitan sehingga keputusan kes penyelewengan akademik pelajar itu dimuktamadkan.
- (12) *The University reserves the right to temporarily suspend a student's examination result of a related course until the outcome of his/her academic fraud is finalised.*
- (13) Alat keperluan yang dipinjamkan kepada pelajar hendaklah dikembalikan kepada Pengawas di akhir peperiksaan.
- (13) *Any stationery or equipment loaned to the students must be returned to the invigilators at the end of the examination.*
- (14) Dalam masa 15 minit sebelum peperiksaan dimulakan, pelajar dibenarkan :
- (14) *15 minutes before the examination starts, students are allowed to:*
- (a) mengisi borang kehadiran dan maklumat yang dikehendaki di muka hadapan skrip/kertas jawapan peperiksaan; dan
 - (a) *fill in the attendance slip and the required information on the front page of the answer booklet/script; and*
 - (b) membaca kertas soalan tanpa membuat sebarang catatan.
 - (b) *read the examination questions without making any notes.*
- (15) Pelajar hendaklah menulis nama, nombor matrik, nombor kad pengenalan, kod kursus dan program serta maklumat lain yang diperlukan di tiap-tiap skrip jawapan, kertas jawapan serta lampiran yang digunakan.
- (15) *Each student must write his/her name, matric number, identification card number, course code and programme, as well as other required information on each answer script/booklet and attachments used.*
- (16) Pelajar hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi arahan yang tercetak pada kulit skrip jawapan.
- (16) *Students must carefully read and follow the instructions printed on the cover of the answer booklet.*

- (17) Pelajar hendaklah memastikan bahawa mereka telah diberikan kertas soalan yang betul serta muka surat yang cukup sebelum mula menjawab. Sekiranya seorang pelajar mendapati dia telah diberikan kertas soalan yang salah, ia hendaklah dengan serta merta memberitahu Pengawas yang bertugas.
- (17) *Students must ensure that they are given the correct question papers with no missing pages before answering. If a student finds that he/she has been given the wrong question paper, the invigilator must be immediately notified.*
- (18) Semua kerja peperiksaan termasuk kerja percubaaan (*rough work*) mesti dibuat dalam skrip jawapan. Helaian skrip jawapan tidak boleh dikoyakkan.
- (18) *All examination related work including drafts/rough work must be done in the answer booklet. Pages in the answer booklets must not be torn.*
- (19) Skrip jawapan atau/dan kertas jawapan yang telah digunakan tetapi telah rosak atau kosong tidak dibenarkan dibawa keluar dari dewan/bilik peperiksaan.
- (19) *All used answer booklets/scripts, blank or damaged should not be taken out of the examination hall/room.*
- (20) Di akhir peperiksaan, pelajar hendaklah memastikan bahawa skrip jawapan atau/dan kertas jawapan peperiksaan disusun dan diikat dengan baik.
- (20) *At the end of the examination, students must ensure that the answer booklets/scripts are properly arranged and tied together.*
- (21) Pelajar dikehendaki berada di tempat duduk masing-masing selepas tamat peperiksaan dan hanya dibenarkan keluar dari dewan/bilik peperiksaan atas arahan Ketua Pengawas Peperiksaan.
- (21) *Students must remain in their seats after the examination ends and are only allowed to leave the examination hall/room upon instruction from the Chief Invigilator.*
- (22) Pelajar hendaklah keluar dari dewan/bilik peperiksaan dalam keadaan tertib, teratur dan tidak membuat bising.
- (22) *Students must leave the examination hall/ room quietly and in an orderly manner.*
- (23) Pelajar tidak boleh mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan atau meneruskan menjawab selepas waktu peperiksaan tamat.
- (23) *Students are not allowed to answer the questions before the examination starts or continue to answer after the examination ends.*
- (24) Pelajar hendaklah mematuhi segala arahan Pengawas Peperiksaan yang bertugas semasa berada di dalam dewan/bilik peperiksaan.
- (24) *Students must obey all instructions given by the invigilators while in the examination hall/ room.*

BAHAGIAN VI / PART VI

6. Hukuman Penalty

- (1) Sekiranya pelajar didapati tidak mematuhi mana- mana daripada peraturan peperiksaan ini, setelah dibicara dan sabit kesalahannya, maka Senat atau mana-mana Pihak Berkuasa Universiti yang diberi kuasa oleh Senat boleh mengambil tindakan berikut:
- (1) *The Senate or Senate authorised University authorities shall take the following actions against a student prosecuted and found guilty violating any of the examination regulations:*
- (a) Memberi markah sifar (0) kepada peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan; atau
(a) *award a zero (0) for the final examination of the particular course; or*
 - (b) memberi markah sifar (0) kepada keseluruhan keputusan peperiksaan dan apa-apa bentuk penilaian kursus berkenaan; atau
(b) *award a zero (0) for the overall result of the examination and any form of assessments for the particular course; or*
 - (c) membatalkan keseluruhan keputusan peperiksaan semester berkenaan; atau
(c) *Nullify the entire semester examination results; or*
 - (d) membatalkan keputusan keseluruhan peperiksaan sepanjang pengajian.
(d) *Nullify the overall results of study.*
- (2) Pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini juga boleh diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah- kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia(Tatatertib Pelajar-pelajar), 2009.
- (2) *Students who violate these regulations may also face disciplinary action under the University and College University Act, 1971, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Guidelines (Student Regulations), 2009.*